

# Tukar

## pemimpin pentingkan diri — PM

23 MAY 1993  
Kuantan 22 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi "lampu hijau" kepada ahli-ahli UMNO untuk menukar pemimpin mereka yang hanya mementingkan diri sendiri.

"Kalau Yang Berhormat (Y.B) atau Yang Amat Berhormat (Y.A.B) tetapi kelakuan mereka tidak baik, cuma hendak mendapatkan lesen itu dan ini, maka orang macam ini tidak dihormati pun tak apa. Nak tukar pun boleh," katanya.

Dr. Mahathir berkata, yang patut dihormati ialah orang yang berkelakuan baik walaupun tidak mempunyai gelaran Y.B.

"Kalau orang itu berkelakuan baik bekerja keras, tidak memikirkan kepentingan diri dan kekayaan sendiri, maka orang inilah yang patut dihormati," katanya ketika berucap merasmikan projek perumahan yang dibina oleh PASDEC, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang di sini hari ini.

Projek tersebut ialah untuk kakitangan Automative Manufacturer of Malaysia.

Perdana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli UMNO mengetahui tanggungjawab masing-masing khususnya di kalangan generasi muda untuk mencapai Wawasan 2020.

Terdahulu, semasa berucap merasmikan projek perumahan tersebut, Dr. Mahathir Mohamad berkata, para pekerja sebenarnya boleh mendapatkan kenaikan gaji dan pelbagai ganjaran lain tanpa penglibatan kesatuan sekerja dan melakukan ugutan serta mogok terhadap majikan atau kerajaan.